

Mania



Mad Jack

CAWANGAN SIMPANG BEDOK
304, BEDOK ROAD, MARKET PLACE
WAKTU OPERASI: ISNIN – AHAD
11:30PG – 12TGH MLM

Cawangan-cawangan lain Mad Jack terdapat di Bukit Timah, Jalan Kayu dan Selegie. Bukit Timah merupakan cawangan pertama yang

dibuka lima tahun lalu. Hidangan popular di sini ialah *Fish & Chips*. Menurut pengurus cawangan simpang Bedok, Encik Patrick Lazaroo, ikan yang digunakan adalah ikan segar yang dibeli di pasar setiap hari. "Tepung yang digunakan merupakan *secret recipe*. Hanya Bos sahaja yang tahu" kata Encik Patrick ketawa. Selain dari *Fish & Chips*, hidangan popular lain termasuk *Grilled Chicken in Black Pepper*, *Grilled Rib-Eye in Black Pepper in Brown Sauce* dan *Nasi Lemak*.



Kata Chef Mona: "Terasa betul kesegaran ikannya. Garing, lembut, perfect-lah. Kentang gorengnya pun besar dan saya suka makan tanpa sos yang disediakan. Sedap, suka sangat" ujar Chef Mona tersenyum.

Penilaian: 4/5

Kata Manja: "Saya suka salada yang dihidangkan bersama *Fish & Chips*nya. Ada lettuce, buah peach. Ia menyihatkan dan menurut Encik Patrick tiada bahan pengawet digunakan. Dan hidangan ini tidak *over-cooked* dan tidak masin.

Penilaian: 5/5



TENTANG CHEF MONA

Cef Mona 62 tahun, telah menjadi tukang masak lebih dari dua dekad. Sewaktu di Singapura beliau telah menjadi tukang masak di beberapa buah hotel dan restoran di sini. Beliau berhijrah ke Sweden mengikut suaminya, seorang warga Sweden pada 1991. Di Sweden, beliau menyambung kerjayanya sebagai tukang masak di beberapa buah restoran dan kedai pastri. Beliau juga pernah menjadi chef pastri di salah sebuah kedai roti di sana. Semasa di Singapura baru-baru ini Chef Mona sempat menjadi tukang masak di restoran

MANIA jun 2009 83

